




MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
مجلس بنداراي قتالينج جايا

LAPORAN TAHUNAN

**MBPJ**

2023



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA





MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
مجلس بنداراي فتالينج جايا

LAPORAN TAHUNAN

**MBPJ**

**2 0 2 3**





MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
مجلس بنداڤاي پتالينج جايا

LAPORAN TAHUNAN

**MBPJ**

2023

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA



@ Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

**Cetakan : Jun 2024**

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal, atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau sebarang cara elektronik, mekanik, pengambaran semula, rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat izin daripada pihak Unit Komunikasi Korporat, Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Reka Bentuk dan Urus Cetak:  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,  
Bangunan Annex MBPJ,  
Jalan Yong Shook Lin,  
46675 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

# KANDUNGAN

- 6 Prakata Timbalan Datuk Bandar
- 8 Perutusan Datuk Bandar
- 10 Ringkasan Eksekutif
- 12 Sekilas Pandang PJSSR 2030
- 13 Inisiatif Bandar Bebas Halangan di Petaling Jaya
- 17 01 : LOW CARBON CITY
- 35 02 : CIRCULAR ECONOMY CITY
- 43 03 : SAFE & RESILIENT CITY
- 63 04 : INCLUSIVE CITY
- 97 05 : CHILD FRIENDLY CITY
- 109 06 : LEARNING CITY
- 125 07 : ECONOMICALLY VIBRANT CITY
- 135 08 : SOCIETY 5.0 CITY
- 141 09 : SMART CITY
- 149 10 : E-GOVERNANCE CITY
- 187 11 : PENCAPAIAN PJSSR 2030 TAHUN 2023
- 221 12 : HIGH IMPACT PROJECT TAHUN 2023
- 271 13 : PENYATA PRESTASI KEWANGAN

## PRAKATA TIMBALAN DATUK BANDAR



### MEMBAWA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI

*Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku Laporan Tahunan 2023 Majlis Bandaraya Petaling Jaya ini berjaya diterbitkan. Ia merupakan rujukan yang mencakupi aspek kewangan, tadbir urus korporat, pengurusan modal insan, teknologi, pengurusan fizikal, ekonomi, persekitaran dan sosial. Kesemua aspek ini telah merangkumi keseluruhan titik fokus penumpuan bagi memastikan Majlis telah menyediakan, menawarkan dan memberikan perkhidmatan perbandaran kepada komuniti dan masyarakat Petaling Jaya.

Selain itu, penglibatan masyarakat dalam program-program anjuran Majlis juga amat penting sebagai sokongan kepada usaha yang dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di Petaling Jaya. Melalui keterlibatan program-program ini jugalah medium Majlis untuk memberi penghargaan kepada pelbagai pihak yang menyokong dasar dan hasrat Majlis termasuk sektor korporat, pemegang taruh, komuniti, agensi kerajaan dan sebagainya.

Diharapkan penerbitan buku ini dapat memberi gambaran kepada pembaca khususnya masyarakat Petaling Jaya untuk



menilai prestasi dan pencapaian yang dicapai oleh Majlis. Pada masa yang sama, maklumat-maklumat yang disediakan juga dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang peranan Pihak Berkuasa Tempatan sekaligus dapat memberi manfaat kepada kita semua dan memenuhi kehendak semasa.

Sekian, Terima kasih.

**TPR. HAJAH SHARIPAH MARHAINI BINTI  
SYED ALI, S.M.S., P.P.T.**

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya

Syabas dan terima kasih kepada semua pihak yang menggembeng tenaga menjayakan penerbitan buku Laporan Tahunan MBPJ 2023 dan berharap buku laporan ini menjadi panduan yang berguna kepada semua pihak.

# PERUTUSAN DATUK BANDAR



## MENINGKATKAN LAGI TAHAP DAN KUALITI WARGA KERJA MAJLIS

*Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera*

Syukur Alhamdulillah, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Laporan Tahunan 2023 Majlis Bandaraya Petaling Jaya ini berjaya diterbitkan. Ucapan syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang terlibat sehingga berjaya menerbitkan buku Laporan Tahunan ini. Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan perkhidmatan perbandaran di bandar raya Petaling Jaya, sudah semestinya satu hala tuju yang jelas perlu diwujudkan dan diselarikan dengan

dasar Kerajaan Negeri seperti Rancangan Selangor-1 (RS-1) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Dengan terbitnya Laporan Tahunan 2023 ini, segala program dan aktiviti yang dianjurkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya dapat dipaparkan untuk bacaan umum. Lebih penting lagi, analisa ringkas mengenai prestasi dan pencapaian melalui Tematik Projek setiap Jabatan dan Bahagian dapat dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan pada masa akan datang.

MBPJ merupakan PBT berstatus bandar raya yang menjadi contoh dan rujukan PBT lain diseluruh Malaysia. Justeru, MBPJ harus mencerminkan kematangan ini dengan melakukan anjakan yang lebih besar dalam menghadapi cabaran semasa dan menggalas harapan warga bandar raya yang menuntut penyampaian perkhidmatan kelas pertama.

Jika sempurna pelaksanaannya, objektif strategik yang dirangka dengan fokus yang bertumpu kepada pembangunan fizikal bandar raya dan juga sosioekonomi bandar

raya ini bukan sahaja dapat membangunkan bandar raya serta warganya, malah dapat meningkatkan kredibiliti, imej dan reputasi MBPJ secara keseluruhannya.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga MBPJ yang telah memberikan sumbangan yang penuh dedikasi demi menjamin misi dan visi MBPJ tercapai. Semoga hubungan erat dan kerjasama sesama warga MBPJ semakin kukuh.

Sekian, terima kasih.



MOHAMAD AZHAN BIN MD. AMIR, J.M.N., K.M.N., D.S.M.

*Datuk Bandar Pealing Jaya*

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Kewujudan Petaling Jaya bertitik tolak daripada perkembangan pesat yang dialami oleh Kuala Lumpur pada awal 1950-an. Kemajuan dan pembangunan tersebut telah menempatkan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar yang menjadi tumpuan ramai. Ini secara tidak langsung memberi kesan terhadap pertumbuhan penduduk sehingga mendorong kepada pertumbuhan kawasan setinggan di pinggirnya. Bagi mengatasi masalah kesesakan penduduk dan setinggan, Kerajaan Negeri Selangor telah mengenal pasti "Effingham Estate" iaitu sebuah tanah ladang getah seluas 1,200 ekar di Jalan Klang Lama untuk dibangunkan sebagai sebuah petempatan baharu.

Petempatan baharu yang diberi nama Petaling Jaya ini juga mencipta sejarah tersendiri kerana menjadi bandar satelit pertama di Malaysia. Agenda pembangunan pada peringkat awal tertumpu kepada usaha menangani masalah penempatan setinggan, penyediaan perumahan serta kemudahan awam yang lebih selesa dan mampu menarik pelaburan bagi menggalakkan sektor perindustrian sebagai saluran menawarkan pekerjaan kepada penduduk.

Kesungguhan dan usaha menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar baharu yang terancang dan maju terus disemarakkan dengan sokongan Kerajaan Persekutuan yang telah memberi pinjaman bagi pertumbuhan kawasan iaitu sejumlah 1,370 ekar tanah dan 980 ekar tanah tebus guna lombong untuk dibangunkan. Pertambahan ini telah menjadikan Petaling Jaya memiliki kawasan seluas 3,600 ekar dan merintis kepada pembukaan New Town. Di samping itu, seluas 300 ekar daripada keseluruhan kawasan Petaling Jaya diperuntukkan sebagai kawasan perindustrian dan dijual pada harga yang sederhana. Terdapat juga kilang-kilang yang dibangunkan untuk disewakan kepada para

pelabur yang tidak berkemampuan membina kilang sendiri.

Pihak yang diberi kepercayaan untuk mengurus tadbir petempatan baru ini diserahkan kepada Pegawai Daerah Kuala Lumpur dan Lembaga Petaling Jaya sebelum diambil alih oleh sebuah badan berkanun iaitu Petaling Jaya Authority pada penghujung tahun 1954.

Petaling Jaya melakar sejarah baharu pada 1 Januari 1964 apabila Negeri Selangor mewartakan sebuah Lembaga Bandaran yang memiliki autonomi kewangan untuk mentadbir bandar ini. Dalam tempoh sedekad, Petaling Jaya telah berkembang dari segi keluasannya iaitu menjangkau 19.9 km persegi manakala jumlah penduduk meningkat kepada 35,100 orang.

Pembangunan Petaling Jaya bermula di PJ Old Town di mana kawasannya meliputi Seksyen 1, Seksyen 2 dan Seksyen 3. Seksyen 3 pula dikenali sebagai "Kawasan Melayu" memandangkan ia dihuni oleh majoriti masyarakat Melayu. Meskipun telah lebih 70 tahun berlalu, istilah "PJ Old Town" cukup sentimental bagi penduduk tempatan, justeru itu ia masih lagi diguna pakai sehingga hari ini. Pada waktu itu, hanya terdapat beberapa deretan rumah kedai, balai raya, panggung wayang, stesen bas dan beberapa bangunan lain.

Pada peringkat awal pembangunan Petaling Jaya, hanya terdapat dua jalan utama sahaja iaitu Jalan 1 dan Jalan 2 yang kini masing-masing dikenali sebagai Jalan Templer dan Jalan Othman. Sedikit demi sedikit pembangunan mula mengisi Petaling Jaya dengan menyaksikan Hospital Assunta lahir sebagai hospital sulung yang menawarkan perkhidmatannya kepada penduduk tempatan. Chartered Bank pula merupakan institusi kewangan yang pertama menjalankan operasinya di bandar ini. Di

samping itu, terdapat beberapa kemudahan lain yang terawal. Ini termasuklah Masjid Sultan Abdul Aziz, Seksyen 3, Pondok Rukun Tetangga di Jalan Carey, RIDA College (yang kini dikenali sebagai UiTM Cawangan Jalan Othman) serta Sekolah Kebangsaan (C) Jalan 10 dan Sekolah Menengah Kebangsaan Assunta, Jalan Changgai.

Pada 1 Januari 1977, Lembaga Bandaran Petaling Jaya telah dinaikkan tarafnya sebagai Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) berikutan penggubalan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ternyata taraf baharu

ini memberi impak yang besar kepada kedudukan dan potensi Petaling Jaya sebagai sebuah bandar satelit yang berdaya maju. Kewujudannya sebagai bandar satelit telah merangsang pertumbuhan pesat kawasan-kawasan sekitarnya seperti Subang Jaya, Sg. Way dan Kelana Jaya sehingga turut menjadi tumpuan penduduk berdasarkan potensinya sebagai pusat ekonomi. MPPJ terus maju dan menuju era bandar raya apabila mendapat pengiktirafan sebagai bandar raya pada 20 Jun 2006 dan kini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

## MAKLUMAT UMUM PETALING JAYA

KELUASAN	97.2 km persegi	MASJID	28
PENDUDUK	813,505 orang	KUIL	9
BUNGA RASMI	Bunga Inai Merah (Lagerstromia Indica)	TOKONG	9
PUSAT BANDAR	23	GEREJA	15
IPTA	3	STADIUM	2
IPTS / KOLEJ	52	DEWAN SERBAGUNA / BALAI RAYA	35
SEKOLAH MENENGAH BANTUAN KERAJAAN	27	PUSAT KESIHATAN KERAJAAN	5
SEKOLAH MENENGAH SWASTA	4	HOSPITAL / PUSAT KESIHATAN SWASTA	3
SEKOLAH RENDAH BANTUAN KERAJAAN	41	PUSAT MEMBELI-BELAH	16
SEKOLAH RENDAH SWASTA	8	GERAI	1,271 unit
SRJK (CINA)	7	PASAR PAGI	1,182 petak
SRJK (TAMIL)	4	PASAR MALAM	7,442 petak
SEKOLAH RENDAH AGAMA	7	HOTEL	101
TADIKA	113	BILANGAN INDUSTRI	3,236
TASKA	96	PUSAT BANDAR SEPARA WILAYAH	2 (Pusat Bandar Seksyen 52, Pusat Bandar Kelana Jaya)
PUSAT JAGAAN	80	PEGANGAN HARTA / PREMIS	276,793 (Kediaman / Perniagaan / Perusahaan / Perdagangan & Perindustrian)

## SEKILAS PANDANG PJSSR 2030

Pelan Strategik, Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan 2030 telah menggariskan matlamat, strategi-strategi pembangunan dan petunjuk serta sasaran pembangunan menjelang Tahun 2030.



### Matlamat

Menetapkan hala tuju dan keutamaan pembangunan bandar raya di samping perubahan nilai dalam kalangan pihak pengurusan dan komuniti.

### Strategi

Menentukan tindakan, kaedah atau rancangan untuk mewujudkan keadaan masa depan yang diinginkan.

### Petunjuk dan Sasaran

Mengenal pasti keadaan atau perubahan yang diperlukan untuk mencapai setiap hasil.

Gabungan ketiga-tiga elemen di atas akan menjelaskan hala tuju bandar raya dan peranan yang perlu dimainkan oleh semua pihak berkepentingan, kakitangan Majlis, Ahli-ahli Majlis dan komuniti. Pada masa yang sama ianya akan menjadi panduan dan rujukan bagi mentadbir dan mengurus bandar raya Petaling Jaya.

## INISIATIF BANDAR BEBAS HALANGAN DI PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memulakan agenda Bandar Bebas Halangan sejak tahun 2000 berdasarkan Pelan Tindakan Bandar Bebas Halangan Petaling Jaya yang meliputi 4 strategi utama iaitu :

- Libat urus bersama NGO dan program kesedaran awam
- Program pengubahsuaian bangunan / taman/infrastruktur sedia ada bagi mematuhi MS 1184 : 2014
- Memastikan projek pembangunan baru swasta dan Majlis bagi mematuhi MS 1184 : 2014
- *Area based development project* (menaik taraf pusat bandar)

Berdasarkan kepada *Blueprint Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient 2030* (PJSSR 2030) - *10 Thematic Projects*, Bandar Bebas Halangan merupakan salah satu inisiatif dalam mencapai matlamat bagi *Thematic Inclusive City*.

Sehingga kini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh MBPJ bagi mencapai sasaran Bandar Bebas Halangan Petaling Jaya termasuk memastikan projek-projek pembangunan mematuhi keperluan reka bentuk sejagat (Universal Design).

### Projek Menaik Taraf 23 Pusat Bandar Sedia Ada Supaya Mematuhi Reka Bentuk Sejagat

- Pusat Bandar Seksyen 52 (2019)
- Pusat Bandar SS2 (2021)
- Pusat Bandar Kelana Jaya (2022)
- Pusat Bandar Taman Mayang, SS26 (2022)
- Pusat Bandar Taman Megah, SS24 dan Taman Sea SS23 (2022)
- Pusat Bandar PJ Old Town (2023)

### Pematuhan Keperluan Reka Bentuk Sejagat Bagi Projek-projek Pembangunan Oleh Majlis dan Swasta BANGUNAN SELIAAN MAJLIS:

- Pasar (7 buah pasar) iaitu Pasar Jalan Othman, Pasar Seksyen 17, Pasar Seventeen, Pasar Seksyen 14, Pasar Taman Dato' Harun, Pasar Kg. Chempaka dan Pasar Taman Megah
- Pejabat MBPJ - Menara, Ibu Pejabat, Pejabat Cawangan
- Gerai, Dewan, Pejabat, Perpustakaan, Kolam Renang

### BANGUNAN SWASTA:

- Pusat Membeli-belah, Bangunan Awam, Pejabat
- 601 permohonan telah disemak keperluan UD (21% telah dibuat audit akses)

## Projek Menaik Taraf Hab Pengangkutan

- 143 daripada 392 adalah *Accessible Bus Stop*
- 16 Stesen Pengangkutan Awam
- Hab Bas Jalan Othman
- Hab Bas PJS 4

## Projek Menaik Taraf Taman Awam dan Rekreasi

### 14 TAMAN AWAM (ACCESSIBLE PARK) DAN KAWASAN LAPANG SELIAAN MAJLIS

- 9 Taman Awam (Accessible Park)
- Kawasan lapang

## Pelaksanaan Polisi dan Advokasi

- Latihan, Bengkel, Forum Reka Bentuk Sejagat
- Pemantapan *Standard Operation Procedure (SOP)*
- Penglibatan OKU dalam program Majlis
- Sambutan Hari OKU Sedunia
- Maklum Balas *End User* Projek Bandar Bebas Halangan (Seksyen 52 dan SS2)







01

# LOW CARBON CITY



7 AFFORDABLE AND  
CLEAN ENERGY



6 CLEAN WATER  
AND SANITATION



11 SUSTAINABLE CITIES  
AND COMMUNITIES



12 RESPONSIBLE  
CONSUMPTION  
AND PRODUCTION



13 CLIMATE  
ACTION



15 LIFE  
ON LAND



17 PARTNERSHIPS  
FOR THE GOALS



# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 1 : URBAN ENVIRONMENT

<b>HALA TUJU</b>
Alam Sekitar
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.1 : Bandar Rendah Karbon
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 1 : <i>Urban Environment</i>

KPI BERKAITAN	STRATEGI	PERANCANGAN 2023	CATATAN (JIKA ADA)
Perlaksanaan <i>Climate Action Plan</i> di peringkat bandar Petaling Jaya	Penyediaan <i>Climate Action Plan And Risk Management</i> dengan kerjasama UTM dan GCOM	<p><b>Program tertangguh:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>GCOM Regional Sharing Sesion for Southeast Asian Pilot Cities</i> pada Mac 2023 di Bangkok Thailand.</li> <li><i>Climate Action Plan Implementation at City Level</i> pada Mac 2023.</li> </ol> <p><b>Program baru 2023:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li><i>Validation and Monitoring of Climate Action Plan</i></li> <li><i>Climate Financing Workshop for Malaysian Cities Module 1</i> pada Mei 2023 di Kuala Lumpur.</li> <li><i>Thematic Workshop for Malaysian Cities Module 2</i> pada Ogos 2023.</li> </ol>	Semua program dirancang telah dilaksanakan seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li><i>GCOM Southeast Asia Regional Training</i>, 29 Mac - 1 April 2023, Bangkok.</li> <li><i>GCOM Workshop Green Technology And Climate Finance</i>, 14 - 15 Jun 2023, Kuala Lumpur.</li> <li><i>International Conference Low Carbon Cities Asia</i>, 17 - 21 Oktober 2023, Jepun.</li> </ol>
		<ol style="list-style-type: none"> <li>Wakil tetap jabatan bagi <i>Thematic Low Carbon City</i></li> <li>PIC jabatan bagi Aset, Infrastruktur, Komunikasi Korporat, Perolehan, Pengurusan Kenderaan, Alam Sekitar, Pelesenan, Khidmat Pengurusan.</li> <li>Jenis latihan diperlukan:               <ol style="list-style-type: none"> <li><i>Climate Action Plan Training</i></li> <li><i>LCC Calculator</i></li> <li><i>Life Cycle Analysis</i></li> <li><i>Low Carbon Cities NOSS</i></li> </ol> </li> </ol>	Perkara No. 3 : Latihan berkaitan <i>Low Carbon</i> dan <i>Climate Action Plan</i> ditangguhkan ke 2024.



# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 2 : URBAN INFRASTRUCTURE

HALA TUJU
Alam Sekitar
MATLAMAT
Matlamat 1.1 : Bandar Rendah Karbon
BIDANG FOKUS
BF 2 : <i>Urban Infrastructure</i>

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	PERANCANGAN 2023	CATATAN (JIKA ADA)
Pengurangan jumlah pelupusan sampah	S2: <i>Municipal Solid Waste Management - Keeping Within The Loop (Circular Economy)</i>	<i>Keeping Within The Loop (Circular Economy)</i>	Pencapaian SKT ini berkaitan dengan prestasi program <i>Circular Economy</i> .

PERATUS PENCAPAIAN (%)	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah kutipan sampah = 203,957.18 tan</li> <li>Jumlah sampah yang dikitar semula = 2,240.35 tan</li> <li>Peratus kitar semula = <b>1.10%</b></li> <li>Data 1 Januari 2023 - 31 Oktober 2023</li> </ul>	<p>S2: R1</p>



# PROGRAM SAMBUTAN HARI KITAR SEMULA KEBANGSAAN 2022

## Jualan Murah EcoShop 11.11

**Tarikh : 11-13 November 2022**

**\*Barangan yang dijual adalah barangan terpakai dan sebarang kerosakan tidak akan ditanggung oleh pihak plaza. Sebarang perkhidmatan adalah di bawah tanggungjawab sendiri\***

**Barangan adalah terhad!! sementara stok masih ada.**

**"SISA ITU SATU ASET" S.I.S.A**

[f](#) [ig](#) [pjecorecyclingplaza](#) [03-78658049](#) [pjecorecyclingplaza@mbpj.gov.my](#)

## JUALAN BARANGAN TERPAKAI

26 Mac 2022 (Sabtu), 9.00 pagi - 1.00 tengah hari  
PJ Eco Recycling Plaza, S58 Petaling Jaya

#BaranganTerpakai #Used tern #3R

[www.mbpj.gov.my](#) [Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#) [ajcitycouncil](#) [WE LOVE PETALING JAYA](#)

## Program "Spring Cleaning"

sempena HARI KEBANGSAAN 2022

URUSSETIA JADATAN PENYUKSIAN SISA PEREJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
03-7954 1440 (Pn. Hazita)

[www.mbpj.gov.my](#) [Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#) [ajcitycouncil](#)



## HARI TERBUKA @PJ ECO RECYCLING PLAZA

BERSEMENA SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR SEDUNJIA TAHUN 2022  
@ ULANG TAHUN KE-16 BANDARAYA PETALING JAYA

**TARIKH : 9 SEHINGGA 19 JUN 2022**  
**TEMPAT : PJ ECO RECYCLING PLAZA, S58**

JUMPA	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD
			10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran
			10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran
			10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran
			10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran
			10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran
			10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran
			10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran
			10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran
			10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran
			10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran	10.00 pagi - Minggu Persekitaran

SCAN ME

BUKA IMBAS QR CODE TERSEBUT UNTUK MENYERTAI (SEPP) PROGRAM PROGRAM YANG BERSEKUTAN

Sebarang perkhidmatan, sebarang jabatan PENCUKSIAN SISA PETALING JAYA PEMBERSIHAN AWAM

Tempat: 23, Persisiran MBPJ, Jalan Tengah, ACECO Recycling Area, Selangor Serdang/Cheras


No. Tel: 03-79541440, 795-1000000

# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 2 : URBAN INFRASTRUCTURE

<b>HALA TUJU</b>
Alam Sekitar
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.1 : Bandar Rendah Karbon
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 2 : <i>Urban Infrastructure</i>

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	PERANCANGAN 2023	CATATAN (JIKA ADA)
KPI 1 Melaksanakan sekurang-kurangnya 5 program/projek rendah karbon setahun	S3: Perlaksanaan Program Kesedaran Awam Berkaitan <i>Low Carbon City</i>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perlaksanaan Projek <i>Low Carbon</i> Kuarters Inai Merah sebagai projek perintis <i>Thematic Low Carbon City</i> bagi bangunan MBPJ</li> <li>2. Sasaran pengurangan karbon MBPJ sebanyak 2% setahun.</li> <li>3. Persediaan bagi pengiktirafan <i>LCC Challenge 2030</i> dan anugerah kejiranan hijau bagi bangunan PBT.</li> <li>4. Aktiviti               <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Program kitar semula</li> <li>ii. Program pengasingan sisa makanan</li> <li>iii. SPAH untuk kegunaan awam</li> <li>iv. Kebun komuniti</li> <li>v. Lampu LED/lampu solar</li> <li>vi. Pemasangan <i>water thimbles</i></li> <li>vii. Pemasangan solar panel di pusat kompos</li> <li>viii. <i>Roadshow</i> hijau</li> </ol> </li> </ol>	Status pelaksanaan aktiviti: <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Program kitar semula - <b>x</b></li> <li>2. Program pengasingan sisa makanan - <b>✓</b></li> <li>3. SPAH untuk kegunaan awam - <b>x</b></li> <li>4. Kebun komuniti - <b>x</b></li> <li>5. Lampu LED/lampu solar - <b>x</b></li> <li>6. Pemasangan <i>water thimbles</i> - <b>✓</b></li> <li>7. Pemasangan solar panel di pusat kompos - <b>✓</b></li> <li>8. <i>Roadshow</i> hijau - <b>x</b></li> </ol>
	S3: Perlaksanaan Program Kesedaran Awam Berkaitan <i>Low Carbon City</i>	Program Skim Rebat Cukai dilaksanakan setiap tahun merangkumi beberapa kategori seperti : <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sisa pepejal</li> <li>2. SPAH</li> <li>3. Penjimatan tenaga</li> <li>4. Kenderaan</li> <li>5. Kebun bandar</li> </ol>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah permohonan 2023 - 87</li> <li>• Diluluskan - 77</li> <li>• Permohonan Ditolak - 10 permohonan</li> <li>• Jumlah rebat cukai - RM 22,632.08</li> </ul>




# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 3 : URBAN TRANSPORTATION

<b>HALA TUJU</b>
Alam Sekitar
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.1 : Bandar Rendah Karbon
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 3 : Urban Transportation

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	PERANCANGAN 2023	CATATAN (JIKA ADA)
<i>Private Vehicle Emission : reduce by 30,000 tan CO2/year</i>	Mengurangkan pelepasan karbon daripada kenderaan <ul style="list-style-type: none"> <li>Penggunaan bahan api kenderaan mesra alam</li> </ul>	<i>Pilot project</i> penggunaan biodiesel bagi kenderaan Majlis <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji &amp; mendapatkan data penggunaan Biodiesel (B-20) pada kenderaan Majlis.</li> <li>Menjalinkan kerjasama dengan MPOB.</li> <li>Percubaan 2 jenis kenderaan diesel.                             <ol style="list-style-type: none"> <li>Lori Tailgate</li> <li>Lori Open Tipper</li> </ol> </li> <li>Menilai kesan penggunaan bahan api &amp; keupayaan enjin antara penggunaan Diesel sedia ada dengan Biodiesel ke atas kenderaan Majlis.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Projek ditangguhkan ke tahun 2024.</li> <li>Perbincangan awal dengan MPOB telah diadakan di peringkat jabatan.</li> </ol>
	Mengurangkan pelepasan karbon daripada kenderaan <ul style="list-style-type: none"> <li>Mempromosi penggunaan kenderaan hibrid dan elektrik.</li> </ul>	Program menggalakkan kenderaan hibrid dan elektrik seperti: <ol style="list-style-type: none"> <li>Skim rebat cukai taksiran</li> <li>Tempat letak kereta percuma kereta hibrid/elektrik</li> <li>Stesen cas kereta elektrik di sekitar Petaling Jaya dengan kerjasama Greentech Malaysia</li> </ol>	





# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 1 : URBAN ENVIRONMENT

<b>HALA TUJU</b>
Alam Sekitar
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.2 : Imej Bandar Raya Yang Menarik dan Hijau
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 1 : <i>Urban Environment</i>

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	PERANCANGAN 2023	CATATAN (JIKA ADA)
<p><b>KPI 1:</b> Inisiatif <i>Low Carbon Landscape</i> (5 nos. pokok diperlukan untuk mengimbangi keperluan <i>carbon footprint</i> setiap seorang/ tahun)</p> <p><b>KPI 2:</b> Mengembangkan <i>Urban Forest Canopy</i> dengan menanam 100,000 pokok kanopi besar menjelang 2030.</p> <p><b>KPI 3:</b> Nisbah penyediaan kawasan lapang melebihi 2 hektar : 1,000 penduduk mengikut Indeks Kemampunan Bandar MurniNet</p>	<p><b>S1:</b> Melaksanakan dasar dan program pengurangan pelepasan karbon menggunakan kaedah penanaman pokok.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan reka bentuk penanaman (penanaman campuran daun lebar dan daun malar hijau, pemeliharaan pokok matang, peruntukan zon penanaman dan lain-lain).</li> <li>Menyediakan Infrastruktur Hijau untuk pengurusan <i>stormwater</i>.</li> <li>Menggalakkan <i>vertical garden</i> dan <i>rooftop garden</i>.</li> <li>Merekod, menganalisa dan membuat pelaporan data-data berkaitan program pengurangan karbon menggunakan kaedah penanaman pokok.</li> <li>Menerapkan Bandar Rendah Karbon melalui pemilihan jenis pokok dan material <i>hardscape</i> ke atas semua pembangunan baharu (Majlis dan swasta).</li> <li>Membangunkan <i>Dashboard SmartTM-PJ</i> (Tree Management System) selewat-lewatnya pada tahun 2024.</li> </ol>	<p>Sasaran Penanaman pokok (4,500 nos. pokok)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Bilangan pokok Majlis</li> <li>Bilangan pokok Pemaju</li> </ol>	<p>Pencapaian penanaman pokok telah dibentangkan setiap bulan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar, Kebersihan, Kesihatan dan Alam Sekitar</p>







PERATUS PENCAPAIAN (%)	
<ol style="list-style-type: none"> <li>942 nos. pokok</li> <li>130,783 nos. pokok = <b>2,927 %</b></li> </ol>	<p>S3: R1</p>

# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 1 : URBAN ENVIRONMENT

<b>HALA TUJU</b>
Alam Sekitar
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.2 : Imej Bandar Raya Yang Menarik dan Hijau
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 1 : Urban Environment

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	PERANCANGAN 2023	CATATAN (JIKA ADA)
<p><b>KPI 4:</b> Permohonan pewartaan kawasan lapang melebihi 80% mengikut Indeks Kemampunan Bandar MurniNet.</p> <p><b>KPI 5:</b> Hutan simpan kekal/taman awam (Taman Nasional/Taman Negeri) 100% diwartakan dan dikekalkan mengikut Indeks Kemampunan Bandar MurniNet.</p>	<p><b>S2:</b> Memastikan penyediaan kawasan lapang dan landskap yang mencukupi</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Mematuhi garis panduan penyediaan kawasan lapang melebihi 2 hektar : 1,000 penduduk diguna pakai semasa Kelulusan Kebenaran Merancang.</li> <li>Mengemukakan permohonan semua pewartaan kesemua kawasan lapang awam.</li> <li>Melaksanakan insentif nisbah plot bagi pembangunan menyediakan peratusan kawasan lapang melebihi had minimum.</li> <li>Mewartakan hutan simpan kekal/taman awam (Taman Nasional)/Taman Negeri). Tiada sebarang pembangunan dibenarkan di kawasan-kawasan tersebut.</li> <li>Menggunakan Dashboard SmartOspace-PJ (Open Space) dan SmartTM-PJ (Tree Management System) bagi pengumpulan data, penganalisaan dan sebagai rujukan dalam proses membuat keputusan.</li> <li>Menyediakan inventori kesemua kawasan lapang dan taman awam dengan menganalisa tahap kemudahan dan aksesibiliti sedia ada berbanding ciri-ciri/ spesifikasi berdasarkan kepada fungsi yang ditetapkan mengikut piawaian perancangan.</li> </ol>	<p>Sasaran menaik taraf</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Kawasan taman awam berteraskan konsep <i>Low Carbon Landscape</i> seperti berikut :                     <ol style="list-style-type: none"> <li>Projek menaik taraf kemudahan rekreasi di Taman Kota @PJ Fasa 2</li> <li>Projek menaik taraf kemudahan rekreasi di 10 kawasan lapang bagi tahun 2023.</li> </ol> </li> <li>Sasaran untuk menjalankan inventori terhadap kemudahan dan fasiliti rekreasi di kawasan lapang dan taman awam.</li> </ol>	<p>Pencapaian pelaksanaan program menaik taraf kawasan lapang dan taman awam telah dibentangkan setiap bulan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar, Kebersihan, Kesihatan dan Alam Sekitar</p>

PERATUS PENCAPAIAN (%)		
<p>1. Menaik taraf Taman Kota@PJ (Fasa 2) = <b>25%</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mula: 20 Oktober 2023</li> <li>Siap: 9 Februari 2024</li> </ul> 	<p>2. Menaik taraf kawasan PJU 8/6 Damansara Perdana (Membina Gelanggang FUTSAL) = <b>25%</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mula: 20 Oktober 2023</li> <li>Siap: 8 Mac 2024</li> </ul> 	<p>3. Menaik taraf kawasan lapang Jalan Kenanga SD 9/5 = <b>35%</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mula: 20 Oktober 2023</li> <li>Siap: 9 Februari 2024</li> </ul> 
<p>4. Menaik taraf kawasan lapang PJU 7/20A = <b>40%</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mula: 20 Oktober 2023</li> <li>Siap: 9 Februari 2024</li> </ul> 	<p>5. Menaik taraf kawasan lapang di Jalan Kenyalang 11/15 (D'villa Equestrian) = <b>100%</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mula: 15 Jun 2023</li> <li>Siap: 5 Oktober 2023</li> </ul> 	<p>6. Menaik taraf kawasan lapang PJU 1A/19 = <b>40%</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mula: 20 Oktober 2023</li> <li>Siap: 8 Mac 2024</li> </ul> 

# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 1 : URBAN ENVIRONMENT

<b>HALA TUJU</b>
Alam Sekitar
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.2 : Imej Bandar Raya Yang Menarik dan Hijau
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 1 : Urban Environment

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	PERANCANGAN 2023	CATATAN (JIKA ADA)
<p><b>KPI 4:</b> Permohonan pewartaan kawasan lapang melebihi 80% mengikut Indeks Kemampanan Bandar MurniNet.</p> <p><b>KPI 5:</b> Hutan simpan kekal/taman awam (Taman Nasional/Taman Negeri) 100% diwartakan dan dikekalkan mengikut Indeks Kemampanan Bandar MurniNet.</p>	<p><b>S2:</b> Memastikan penyediaan kawasan lapang dan landskap yang mencukupi <b>(Sambungan)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Membuat analisa berkaitan ciri- ciri keselamatan kemudahan taman awam dan kawasan lapang.</li> <li>Membuat analisa berkaitan ciri-ciri keselamatan kemudahan taman awam dan kawasan lapang.</li> <li>Membuat analisa berkenaan penggunaan kawasan lapang dan taman awam dalam kalangan wanita, kanak-kanak, warga emas dan OKU.</li> <li>Menaik taraf taman awam dan kawasan lapang mengikut keutamaan (taman/ kawasan lapang paling uzur diutamakan).</li> <li>Merekod, menganalisa dan membuat pelaporan data-data berkaitan kawasan lapang dan landskap menggunakan kaedah penanaman pokok menggunakan <i>Dashboard SmartOspace-PJ (Open Space)</i>.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>Sasaran menaik taraf kawasan taman awam berteraskan konsep <i>Low Carbon Landscape</i> seperti berikut :             <ol style="list-style-type: none"> <li>Projek menaik taraf kemudahan rekreasi di Taman Kota @PJ Fasa 2</li> <li>Projek menaik taraf kemudahan rekreasi di 10 kawasan lapang bagi tahun 2023.</li> </ol> </li> <li>Sasaran untuk menjalankan inventori terhadap kemudahan dan fasiliti rekreasi di kawasan lapang dan taman awam.</li> <li>Sasaran kawasan lapang dan taman awam - 30 nos. setahun.</li> </ol>	<p>Pencapaian pelaksanaan program menaik taraf kawasan lapang dan taman awam telah dibentangkan setiap bulan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar, Kebersihan, Kesihatan dan Alam Sekitar.</p>


PERATUS PENCAPAIAN (%)			
<p>1. Menaik taraf kawasan lapang SS 23/35 = <b>40%</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mula: 1 Oktober 2023</li> <li>Siap: 18 Februari 2024</li> </ul>	<p>2. Menaik taraf Taman Aman = <b>100%</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mula: 15 Mei 2023</li> <li>Siap: 4 September 2023</li> </ul>	<p>3. Menaik taraf kawasan lapang SS2/60 = <b>35%</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mula: 20 Oktober 2023</li> <li>Siap: 8 Mac 2024</li> </ul>	
	<p>4. Pencapaian tahun 2023 = <b>30 nos. (100%)</b></p>		

# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 1 : URBAN ENVIRONMENT

<b>HALA TUJU</b>
Alam Sekitar
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.2 : Imej Bandar Raya Yang Menarik dan Hijau
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 1 : Urban Environment

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	PERANCANGAN 2023	CATATAN (JIKA ADA)
<p><b>KPI 6:</b> Kesemua keejiranan melaksanakan inisiatif Kebun Kejiranan.</p>	<p><b>S1:</b> Melaksanakan inisiatif Kebun Kejiranan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan inventori projek kebun bandar di kawasan keejiranan dan mengenal pasti tapak kebun yang sesuai untuk pelaksanaan kebun keejiranan.</li> <li>Membuat analisa penglibatan wanita/gadis dalam aktiviti kebun bandar</li> <li>Merekod, menganalisa dan membuat pelaporan data-data berkaitan projek kebun bandar menggunakan <i>Dashboard SmartComGarden-PJ (Community Garden)</i>.</li> </ul>	<p>Kajian penambahbaikan prosedur dan tatacara pengurusan Kebun Bandar di Petaling Jaya :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jln PJU1A/43 Ara Damansara</li> <li>PP Kg. Selamat PJU5</li> <li>SMK Damansara Utama</li> <li>SMK Sultan Abdul Samad</li> <li>PJU1A/25B Ara Damansara</li> <li>Jln Margosa SD10/1.</li> <li>Jalan PJS 1/47 South Avenue</li> <li>Jalan 4/49C</li> <li>KRT Seksyen 6</li> <li>PP Kg. Selamat PJU5</li> <li>BU12/7@12/9</li> <li>Jalan Cemara SD3/7</li> </ul>	<p>Pencapaian pelaksanaan program pembudayaan landskap telah dibentangkan setiap bulan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar, Kebersihan, Kesihatan dan Alam Sekitar</p>

PERATUS PENCAPAIAN (%)		
<p>Melaksanakan Bengkel Pertanian Bandar &amp; Pemberdayaan Ekonomi B40 untuk penduduk Petaling Jaya melibatkan komuniti = <b>90%</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>PP Damansara Damai</li> <li>PP Zon Sentral 19</li> <li>PP Kg. Selamat PJU5</li> <li>Persatuan Penduduk Bayu Damansara</li> <li>Persatuan Pekebun Bandar</li> <li>Komuniti SS7 Kelana Jaya</li> <li>KRT SS22A Damansara Jaya</li> </ul>		<p>5 kali bengkel dilaksanakan merangkumi aktiviti seperti :</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Teori &amp; praktikal tanaman Edibel (laksana : 25 Mei 2023)</li> <li>Teori &amp; praktikal tanaman Cendawan (31 Mei 2023)</li> <li>Teori &amp; praktikal tanaman Fertigasi (15 Jun 2023)</li> <li>Lawatan &amp; seminar Ekspo MARDI di MAEPS Serdang. (25 Ogos 2023)</li> <li>Bangkel pesara dan kakitangan MBPJ @Program IAT (Industri Asas Tani) (18 Julai 2023)</li> </ol>








# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 1 : PENGANGKUTAN AWAM YANG EFISIEN

<b>HALA TUJU</b>
Habitat Berdaya Huni
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.3: <i>Sustainable Transportation</i>
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 1: Pengangkutan Awam yang Efisien

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	CATATAN (JIKA ADA)
<p><b>KPI 1:</b> 40% Modal <i>Split</i> Pengangkutan Awam</p> <p><b>KPI 2:</b> Sasaran 7 juta setahun <i>ridership PJ City Bus</i> menjelang 2030</p>	<p><b>S1:</b> Menyediakan perkhidmatan bas pengantara yang menyambungkan kawasan kediaman ke pusat bandar</p> <p><b>S2:</b> Menyediakan bas transit dari bandar ke bandar dalam Petaling Jaya.</p> <p><b>S3:</b> Menyediakan laluan khas bas terutamanya di jalan-jalan utama</p>	<p>Kaji selidik akhir tahun. Sedang dalam cerapan data</p>
<p><b>KPI 3:</b> Semua stesen transit di Petaling Jaya mempunyai indeks aksesibiliti yang baik, selamat dan selesa dalam radius 400 meter</p>	<p><b>S4:</b> Mempertingkatkan tahap aksesibiliti pejalan kaki/basikal kepada stesen pengangkutan awam termasuk perhentian bas</p> <p><b>S5:</b> Mendapatkan data indeks aksesibiliti bagi jaringan pejalan kaki/basikal di Petaling Jaya berdasarkan parameter yang ditetapkan</p> <p><b>S6:</b> Menambah baik dan menaik taraf laluan pejalan kaki/basikal di kawasan yang mempunyai skor indeks aksesibiliti yang kurang dari 90%.</p>	<p>Tiada peruntukan tahunan. Projek ditangguhkan.</p>
<p><b>KPI 4:</b> Semua perteduhan bus berada dalam keadaan baik, selamat dan aksesibel.</p>	<p><b>S7:</b> Menyediakan perhentian bus yang berada dalam keadaan baik, selamat dan aksesibel.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Membina dan menaik taraf perhentian bus yang selesa, mempunyai elemen-elemen keselamatan, mesra OKU dan mudah diakses.</li> </ul>	

PERANCANGAN 2023/PERATUS PENCAPAIAN (%)		
<p>1. Perkhidmatan <i>PJ City Bus</i> (PJ01-PJ06)</p>  <p style="text-align: center;">100%</p>	<p>2. Kajian keberkesanan laluan <i>PJ City Bus</i></p>  <p style="text-align: center;">50%</p>	<p>3. Kolaborasi dengan IPT (FSPU UiTM) untuk membangunkan kajian dan analisa terperinci bagi sistem aksesibiliti indeks Petaling Jaya</p>  <p style="text-align: center;">0%</p>
<p>4. Projek menaik taraf (roboh &amp; bina semula) perteduhan bus</p>  <p style="text-align: center;">100%</p>	<p>5. Projek membaik pulih dan menyelenggara perteduhan bus sedia ada.</p>  <p style="text-align: center;">100%</p>	

# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 1 : PENGANGKUTAN AWAM YANG EFISIEN

<b>HALA TUJU</b>
Habitat Berdaya Huni
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.3: <i>Sustainable Transportation</i>
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 1: Pengangkutan Awam yang Efisien

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	CATATAN (JIKA ADA)
<p><b>KPI 5:</b> Bilangan terminal/stesen pengangkutan awam bersepadu yang disediakan melebihi 18 buah mengikut Indeks Kemampunan Bandar MurniNet</p>	<p><b>S8:</b> Menyediakan terminal/stesen pengangkutan awam bersepadu atau stesen pengangkutan awam yang mempunyai 2 atau lebih mod pengangkutan. Stesen-stesen sedia ada termasuklah</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Stesen Bas Jalan Othman, Hab Bas Taman Medan,</li> <li>• KTM Setia Jaya, KTM Sri Setia, KTM Dato' Harun, KTM Jalan Templer,</li> <li>• MRT Bandar Utama, MRT Mutiara Damansara, MRT Surian, MRT Kota Damansara, MRT Kg. Selamat,</li> <li>• LRT Taman Jaya, LRT Asia Jaya, LRT Taman Paramount, LRT Taman Bahagia, LRT Kelana Jaya, LRT Lembah Subang dan LRT Ara Damansara.</li> </ul>	
<p><b>KPI 6:</b> Perancangan pengangkutan berintegrasi dengan perancangan guna tanah semasa penyediaan rancangan pemajuan (Rancangan Tempatan/Rancangan Kawasan Khas)</p>	<p><b>S9:</b> Merekod, menganalisa dan membuat pelaporan data-data berkaitan sistem pengangkutan awam menggunakan <i>Dashboard SmartTransportation-PJ (Transportation)</i></p>	Data <i>ridership</i> / karbon penggunaan e-skuter menerusi <i>dashboard</i> yang disediakan oleh pihak BEAM
<p><b>KPI 7:</b> Setiap pembangunan baru tidak menjejaskan aliran lalu lintas sedia ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• LOS C - D: Kawasan baru/ kurang tepu</li> <li>• LOS D - E: Kawasan yang sedia tepu/ pusat bandar</li> </ul>	<p><b>S10:</b> Merekod, menganalisa dan membuat pelaporan data-data berkaitan perancangan guna tanah berintegrasi dengan perancangan pengangkutan menggunakan <i>Dashboard SmartDev-PJ</i></p>	Perlu tender semula kerana tiada syarikat yang layak

### PERANCANGAN 2023/PERATUS PENCAPAIAN (%)




1. Menyediakan <i>database dashboard micro-mobility</i> (skuter elektrik, basikal dan lain-lain).	 <p>100%</p>		
2. Menaik taraf perisian Vissim kepada <i>cloudbased application</i> bagi memudahkan perkongsian data antara jabatan.	 <p>100%</p>	<p>kelulusan</p>  <p>100%</p>	<p>penjualan tender</p>  <p>0%</p>
			<p>Pelantikan (perlu tender semula)</p>

# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 2 : GUNA TANAH YANG BERINTEGRASI DENGAN SISTEM PENGANGKUTAN

<b>HALA TUJU</b>
Habitat Berdaya Huni
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.3: <i>Sustainable Transportation</i>
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 2: Guna tanah yang Berintegrasi dengan Sistem Pengangkutan

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	CATATAN (JIKA ADA)
<p><b>KPI 1:</b> Pembangunan guna tanah secara berintegrasi dengan hab pengangkutan</p>	<p><b>S1:</b> Membangunkan sistem maklumat perancangan pengangkutan/ guna tanah yang menyeluruh dan selari dengan maklumat semasa.</p> <p><b>S2:</b> Mengemas kini maklumat <i>database</i> menggunakan perisian PTV Visum - pemodelan pengangkutan secara makro termasuk</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Guna tanah semasa dan unjuran</li> <li>Jaringan jalan-jalan utama</li> <li>Maklumat persimpangan termasuklah <i>traffic signal phasing</i></li> <li>Perhentian bas dan stesen pengangkutan awam</li> </ul>	Perlu tender semula kerana tiada syarikat yang layak
<p><b>KPI 2:</b> Peratus liputan kediaman dalam lingkungan 400m dari kemudahan masyarakat melebihi 90% mengikut Indeks Kemampunan Bandar MurniNet</p>	<p><b>S3:</b> Melaksanakan perancangan guna tanah bersepadu melalui penyediaan Rancangan Tempatan Petaling Jaya serta Rancangan Kawasan Khas Petaling Jaya mengambil kira impak lalu lintas bagi setiap cadangan pembangunan, penggalakan penggunaan pengangkutan awam serta penyediaan kemudahan awam berdasarkan piawaian perancangan.</p>	
<p><b>KPI 3:</b> Pembangunan guna tanah secara berintegrasi dengan kemudahan awam dan infrastruktur</p>	<p><b>S4:</b> Merekod, menganalisa dan membuat pelaporan data-data berkaitan perancangan guna tanah berintegrasi dengan sistem pengangkutan menggunakan <i>Dashboard SmartLanduse- PJ</i></p>	

PERANCANGAN 2023/PERATUS PENCAPAIAN (%)			
Projek mengemas kini dan menaik taraf model pengangkutan Petaling Jaya (Visum) kepada <i>integrated analytic modelling system</i> .	<p>Kelulusan</p>  <p>100%</p>	<p>Penjualan Tender</p>  <p>100%</p>	<p>Pelantikan (Perlu tender semula)</p>  <p>0%</p>

# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 1 : BANGUNAN - PENGURUSAN TENAGA

<b>HALA TUJU</b>
Alam Sekitar
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.1: <i>Low Carbon City</i>
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 1 : Bangunan

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	CATATAN (JIKA ADA)
<b>KPI 1:</b> 1. <i>Residential Emissions : reduce by 4kilo tCO2/year</i> dan 2. <i>Industrial and commercial : reduce emission by 33kilo tCO2/year</i> 3. <i>New Development : reduce emission by 15kilo tCO2/year</i> 4. <i>Renewable Energy : target 10% generation against 2030 BAU forecast (baseline data tahun 2020)</i>	Menyediakan dasar dan melaksanakan program penjimatan tenaga bangunan  <b>S1:</b> Melaksanakan program Skim Rebat Cukai bagi individu yang melaksanakan program penjimatan tenaga  <b>S2:</b> Alam sekitar dan kelestarian bandar hijau dipantau dan peluang bagi mempertingkatkan penurunan karbon & GHG, dan memastikan bangunan dalam keadaan sihat dan selamat : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemilihan bangunan Majlis</li> <li>• Penyediaan data yang terlibat seperti bil elektrik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah permohonan 2023 - 87</li> <li>• Diluluskan - 77 permohonan</li> <li>• Ditolak - 10 permohonan</li> <li>• Jumlah rebat cukai - RM 22,632.08</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlantikan syarikat investor solar telah dilaksanakan pada 19/10/2023 dengan termeterai MoU diantara MBPJ dan Syarikat Renuoco Sdn. Bhd.</li> <li>• Perbincangan dan proses pelaksanaan <i>pilot project</i> bersama pemaju dipilih iaitu Bandar Utama dan MRCB telah dilaksanakan dan jabatan dalam proses penyediaan draf.</li> </ul>

PERANCANGAN 2023	PERATUS PENCAPAIAN (%)
1. Program Skim Rebat Cukai dilaksanakan setiap tahun merangkumi beberapa kategori seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sisa pepejal</li> <li>• SPAH</li> <li>• Penjimatan tenaga</li> <li>• Kenderaan</li> <li>• Kebun bandar</li> </ul>	 <p>100%</p>
2. Audit Tenaga akan diteruskan semula pada 2023. Cadangan pelaksanaan terhadap 2-3 buah bangunan Majlis yang sesuai.	 <p>100%</p>
3. Perlantikan syarikat <i>investor</i> bagi projek ini belum lagi dimuktamadkan disebabkan pada perbincangan akhir pada 10.1.2023 mesyuarat memutuskan untuk memanggil 3 syarikat disenarai pendek untuk membuat pembentangan. Jangkaan pembentangan dan muktamadkan perlantikan adalah pada awal Februari 2023.	 <p>100%</p>
4. Meneruskan proses pelaksanaan <i>pilot project</i> dan pembentangan ke dalam mesyuarat berkaitan garis panduan ini sebelum pelaksanaan secara menyeluruh bagi semua pembangunan baru di Petaling Jaya dilaksanakan. Jangkaan pelaksanaan sekitar bulan Jun 2023.	 <p>70% 30%</p>



# THEMATIC : LOW CARBON CITY

## BIDANG FOKUS 1 : BANGUNAN - PENGURUSAN TENAGA

<b>HALA TUJU</b>
Alam Sekitar
<b>MATLAMAT</b>
Matlamat 1.1: <i>Low Carbon City</i>
<b>BIDANG FOKUS</b>
BF 1 : Bangunan

PETUNJUK DAN SASARAN (KPI)	STRATEGI	CATATAN (JIKA ADA)
<b>KPI 2:</b> Pengiktirafan MBPJ/SEDA <i>Sustainable Energy Low Carbon Green Pass Diamond Rating</i> ke atas sekurang-kurangnya satu bangunan Majlis dalam tempoh setahun	<b>S3:</b> Menyertai <i>LCC 2030 Challenge</i> (Bilangan LCC Zon, LCC Partner dan Diamond Recognition)	Pengiktirafan Bangunan Majlis yang menerima pensijilan <i>Sustainable Energy Low Carbon Green Pass Diamond Rating</i> adalah sebanyak 5 buah bangunan.
Program pemasangan sistem solar panel di Pusat Inovasi Kota Damansara adalah merupakan pilot projek yg dibuat secara ESCO ZERO CAPAX dengan syarikat Renueco Sdn. Bhd. Projek ini dalam proses pelaksanaan dan di peringkat penyediaan dokumentasi bagi proses permohonan NEM Gomen dan Suruhanjaya Tenaga. Program yang sama akan dilaksanakan ke atas 5 buah premis/aset Majlis lagi pada tahun ini.




*Installation rooftop Solar PV with ESCO  
Capacity = 250 kWp*

# 02 THEMATIC CIRCULAR ECONOMY CITY

01

## PJ ECO RECYCLING PLAZA, SS8

Sebuah pusat kecemerlangan yang mengetengahkan 5R (Reduce, Reuse, Recycle, Rethink, Reinvent) untuk diperkenalkan kepada komuniti di Petaling Jaya serta dalam dan luar negara. Terdapat 15 rakan strategik yang terdiri daripada syarikat swasta dan NGO telah bekerjasama di dalam aktiviti dan promosi yang diadakan di *PJ Eco Recycling Plaza*. Pada tahun 2023, *PJ Eco Recycling Plaza* telah menerima seramai 11,843 pengunjung yang termasuk daripada golongan dewasa dan kanak-kanak.



Sebuah pusat pengkomposan *Waste to Wealth* yang menggunakan teknologi *Anaerobic Digestion* di dalam pengkomposan sisa makan dengan kapasitas 1 tan/sehari. Kutipan sisa makanan/organik meliputi Pasar Pagi dan Medan Selera SS2, Pasar Sentosa Seksyen 17 dan KPJ Damansara Hospital. Baja kompos yang dihasilkan dijual kepada kontraktor pembersihan di bawah JPSPPA dengan kadar harga RM2/seliter. Pada tahun 2023, sebanyak **142.9 tan** sisa makanan/organik telah berjaya dikutip. Terdapat 1 mesin pengkomposan berkapasiti 500 kg. sehari di *PJ Eco Recycling Plaza* dan 4 lokasi pusat perkomposan *Anaerobic Digestion* lain yang diuruskan oleh komuniti setempat yang berkapasiti 100 kg. sehari.





# 03

## PROGRAM KUTIPAN KITAR SEMULA PINTU KE PINTU KERJASAMA DENGAN NESTLE DAN KPT RECYCLE

Bermula dengan kawasan fasa 1 pada Oktober 2020 dan kini telah mempunyai 5 fasa program yang telah melibatkan 36 kawasan di dalam Petaling Jaya dan sebanyak **42,000 unit** kediaman bertanah telah terlibat. Sebanyak **4,240.3 tan** barangan kitar semula juga telah berjaya dikutip pada tahun 2023.



*World Cleanup Day Petaling Jaya 2023* telah diadakan pada 16 September 2023 dengan melibatkan enam zon kawasan Ahli Majlis dan Kampung Sungai Kayu Ara sebagai lokasi utama pelancaran program tersebut. Manakala, dua zon kawasan Ahli Majlis telah dijalankan pada 14 September 2023. Program ini telah memberi impak positif dari aspek penglibatan masyarakat dan keperihatinan serta kesedaran dalam menjaga mutu alam sekitar. Seramai **526 orang** komuniti Petaling Jaya dan sukarelawan telah terlibat dan sebanyak **874.46 kg.** sisa telah berjaya dikutip sepanjang program berlangsung.



# 03 THEMATIC SAFE AND RESILIENT CITY

SAFETY AND HEALTH

01

## PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA (PKKPJ)

Program PKKPJ telah diperkenalkan pada tahun 2011 bertujuan untuk menggalakkan penglibatan komuniti serta meningkatkan tahap kesedaran keselamatan dalam kalangan penduduk setempat. Inisiatif ini adalah selari dengan Program Bandar Selamat di bawah KPKT di mana Pelan Induk Keselamatan MBPJ telah memenuhi **15 langkah** ciri-ciri bandar selamat.

Program ini mendapat maklum balas yang sangat baik dalam kalangan komuniti setempat di mana ianya menyokong ke arah indikator penurunan kadar jenayah 5% setiap tahun di kawasan Petaling Jaya di bawah *Blueprint PJSSR 2030* ke arah mewujudkan bandar raya mampan dan selamat.



Buku Pelan Siap Siaga Kawalan Bencana MBPJ telah dilancarkan pada 17 Oktober 2023 oleh YBhg. Tn. Mohamad Azhan bin Md. Amir, Datuk Bandar Petaling Jaya. Pelan ini dirangka bagi memastikan penyelarasan tugas berkaitan bencana dapat dilaksanakan dengan sistematik. Buku ini juga memfokuskan kepada pengurusan dan gerak kerja petugas-petugas yang terlibat semasa berlakunya sebarang kejadian bencana. Perkara ini sangat penting bagi memastikan pengurusan pengoperasian bencana dapat dijalankan dengan lancar mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan.

*Dashboard* bencana telah mula digunakan oleh petugas Bilik Gerakan Bencana mulai 6 November 2023.

Indikator dan elemen-elemen ini akan memberi gambaran awal kepada para petugas dalam mahupun agensi luar yang terlibat.

Pelbagai elemen dan indikator telah ditambah baik seperti Lokaliti *Hotspot*, Kejadian Bencana, Gambar Kejadian Bencana, Koordinat dan Gambar Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan Senarai *On-Site Detention (OSD)*.



Skuad PANTAS di semua PBT Selangor telah diilhamkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan MBPJ telah menubuhkan skuad PANTAS pada tahun 2011. Objektif penubuhan skuad PANTAS ini adalah sebagai 'frontliner' bagi mengurangkan impak risiko bencana di lapangan seperti banjir, pokok tumbang dan tanah runtuh di kawasan Petaling Jaya. Fokus penubuhan tersebut adalah selari dengan *Blueprint PJSSR 2030* ke arah mewujudkan bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan.

Skuad PANTAS MBPJ juga telah melalui beberapa fasa pemeraksanaan khususnya di dalam skop pengurusan sumber manusia, pengurusan logistik, pengurusan latihan dan kompetensi serta kolaborasi bersama agensi-agensi pengurusan bencana bagi memperkemaskan lagi gerak kerja. Pada masa kini anggota skuad PANTAS terdiri daripada 32 anggota dan pegawai yang bersiap siaga 24 jam. Tindakan-tindakan awalan skuad PANTAS sebagai 'first responder' telah mendapat maklum balas positif daripada komuniti Petaling Jaya. Skuad PANTAS MBPJ merupakan satu-satunya PBT yang telah berkolaborasi bersama pasukan SMART (Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia) bagi meningkatkan tahap kompetensi pasukan.



Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Medan menjadi sekolah pertama di Petaling Jaya dan Malaysia dalam menjalankan aktiviti OSH di sekolah berdasarkan ISO 4500:2018 dan telah mendapat pensijilan ISO 45001:2018 daripada SIRIM QAS Sdn. Bhd. dalam skop pensijilan pemberian perkhidmatan pendidikan untuk sekolah menengah.

Inisiatif yang telah dilaksanakan termasuklah membaik pulih infrastruktur bangunan sekolah dari segi keselamatan, menubuhkan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, memberikan latihan dan pengetahuan mengenai standard ISO 45001: 2018, menubuhkan jawatankuasa OSH, menyediakan polisi OSH, penyediaan HIRADC, penyediaan prosedur dan SOP OSH, memberikan latihan berkenaan Akta OSHA 1994, audit dalaman, latihan penyiasatan kemalangan dan pelan tindakan kecemasan sekolah serta menubuhkan OSHE skuad dalam kalangan pengawas sekolah.



Pasukan SEDAR (Search and Destroy Aedes Rangers team) ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti pemusnahan tempat pembiakan nyamuk. Pihak Majlis akan memberi latihan berkaitan cara-cara untuk melakukan aktiviti ini dan pasukan SEDAR perlu bergerak bersama melakukan aktiviti tersebut di kawasan mereka sekurang-kurangnya sekali seminggu serta melaporkan aktiviti mereka kepada pihak Majlis melalui aplikasi "Whatsapp".

Sehingga kini terdapat 111 pasukan SEDAR yang aktif melibatkan kawasan strata, teres, sekolah dan tapak binaan. Masyarakat yang diperkasa akan mampu mencari punca sesuatu masalah kesihatan yang berlaku dan memikirkan penyelesaian yang terbaik bersesuaian dengan keadaan semasa di tempat mereka.

## KAWALAN DENGGI (SEDAR WALK)



Fokus utama dalam melaksanakan dasar dan program ke arah kesihatan awam yang baik dengan mengambil kira sasaran dan indikator ke arah PJSSR 2030 program tahunan diwujudkan dengan memberi anugerah kepada pemilik/pengusaha premis yang telah menunjukkan prestasi cemerlang. Satu pengiktirafan kepada pemilik premis juga menjaga dan mengekalkan tahap kebersihan premis masing-masing semasa pemeriksaan dan penggredan yang dilakukan oleh kakitangan jabatan dan para panel penilai. Objektif utama penganjuran anugerah ini termasuklah:

1. Memberi pengiktirafan kepada pemilik/pengusaha premis makanan dan tandas awam yang berjaya mengekalkan tahap kebersihan premis masing-masing.
2. Mempertingkatkan pengetahuan dan kesedaran pemilik/pengusaha dan pengendali premis makanan terhadap kebersihan dan keselamatan makanan.
3. Meningkatkan kesedaran orang awam terhadap kepentingan memilih premis makanan yang bersih dan keselamatan makanan yang terjamin serta penggunaan tandas awam secara beretika.
4. Mengurangkan kejadian insiden dan prevalen kes-kes penyakit bawaan makanan dan air seperti keracunan makanan, demam kepialu, taun dan sebagainya.





## 07

## PROGRAM PEMERKASAAN KESEDARAN DAN KEMAHIRAN PENGENDALI MAKANAN DI PJ

Program ini salah satu inisiatif Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran untuk memperkasakan kepentingan mendapatkan suntikan tifiod (Ty2) kepada pengendali makanan di Petaling Jaya. Program ini dilaksanakan secara *mobile*. Semasa operasi bersepadu premis makanan dan mengenal pasti pengendali makanan yang tiada suntikan dan secara insitu suntikan akan diberikan.

1. Objektif utama program ini bagi membanteras penyakit demam kepialu.
2. Meningkatkan kesedaran dan mengawal kes keracunan makanan.
3. Meningkatkan hasil pendapatan klinik Majlis Bandaraya Petaling Jaya.



## 08

## PROGRAM PEMERKASAAN KESEDARAN DAN KEMAHIRAN PENGENDALI MAKANAN DI PJ

Pada 3 Januari 2023 Yang Berhormat Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah memperkenalkan kempen tandas awam bersih berkonsepkan tandas Bersih, Menawan dan Wangi (BMW).

Konsep tandas BMW diperkenalkan dengan hasrat tindakan lebih proaktif dan agresif dijalankan untuk memastikan tandas-tandas awam mencapai tahap penarafan 4 bintang dan ke atas sesuai dengan konsep BMW. Peñerapan konsep BMW juga diharapkan agar dapat menambah baik imej Majlis. Konsep ini mendorong MBPJ untuk ke arah menyediakan *Blueprint* Tandas Awam.



# 03 THEMATIC SAFE AND RESILIENT CITY

QUALITY INFRASTRUCTURE

01

## KOLAM TAKUNGAN 'ON-SITE STORMWATER DETENTION' (OSD)

Kolam *On-site Stormwater Detention* (OSD) adalah sebuah struktur kolam takungan yang digunakan untuk menahan air bagi beberapa jam supaya saliran perparitan dan sungai sempit mengalirkan air larian (water surface run-off) ke lautan.

Fungsi kolam takungan adalah untuk mengatasi masalah banjir dan juga boleh digunakan sebagai tempat riadah atau kemudahan awam lain seperti tempat letak kereta.

Isu banjir yang berlaku di kawasan ini pada tahun 2021 dan 2022 dapat dikurangkan ketika berlaku hujan lebat dalam tempoh melebihi 1 jam.



Keluasan kolam OSD dibahagikan kepada 2 iaitu OSD 1 (60x40x1.8m) di kawasan padang dan OSD 2 (6x170x3m) di kawasan letak kereta rumah pangsa.



Padang permainan, Taman Buana Perdana PJS 3



Keluasan kolam OSD (3,420m<sup>2</sup>) dapat menyimpan air larian permukaan sebanyak 7,380m<sup>3</sup> dalam tempoh 1 jam sebelum ianya dilepaskan keluar ke Sungai Klang.



Masalah 'grating' dan 'manhole' mendap biasanya berlaku selepas kerja-kerja korekan dan penyelenggaraan (mill & pave) permukaan jalan. Bingkai konkrit 'grating' mudah pecah dan tidak sampai sebulan selepas kerja-kerja 'rise-up' dijalankan oleh pihak utiliti.

Punca-punca penyebab yang telah dikenal pasti akan digunakan untuk mereka bentuk FMC untuk memberikan impak terutama ke atas keselamatan pengguna jalan raya. 'Outcome' daripada reka bentuk FMC ini dapat menjimatkan kos penyelenggaraan jalan 'rise-up' manhole/grating', penjimatan masa pembaikan, kepuasan hati pelanggan dan pekerja Majlis, mengurangkan kekerapan aduan dan pengurusan kualiti yang baik oleh pihak kontraktor.



## IMPAK PROJEK

### Taraf Kesihatan

1. Dapat mengurangkan stres bagi mengendalikan aduan *grating* (dapat diselesaikan dengan cepat).
2. Mengurangkan aduan orang awam kepada pihak Majlis
3. Mengurangkan stres apabila melalui jalan yang terdapat *grating* dan tiada rasa gegaran/hentakan. - laluan lancar.

### Pengguna Jalan raya

1. Penunggang motosikal dapat menjimatkan duit bagi menukar tayar (tayar berbenjol)/rim rosak.
2. Penghantar makanan (GrabFood, FoodPanda dan lain-lain) boleh membuat penghantaran dengan lebih cepat dan secara tidak langsung meningkatkan pendapatan mereka.
3. Dapat mengelak insiden kecelakaan akibat dari mengelak mengejut *grating* yang rosak/mendap.

### Teknikal

1. Reka bentuk 'opening services' / *grating* di atas jalan bagi saluran dapat ditambah baik. (sebelum ini tidak digalakkan kerja isu / masalah berkenaan *grating* mendap dan rosak).
2. Dapat memudahkan urusan pembersihan longkang jika 'opening services' boleh diwujudkan setiap 3m - 6m.
3. Dapat mengurangkan isu banjir kilat akibat dari longkang tersumbat kerana tiada laluan masuk/kesukaran membersihkan longkang yang berada di bawah jalan. (bagi saiz longkang *crossing* yang kecil).

### Pemilik bengkel besi

1. Menjalankan kerjasama bersama pemilik kilang kimpalan besi setempat untuk membekal FMC-*Grating* mengikut spesifikasi dan secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka.
2. Dapat mewujudkan pekerjaan kimpalan mahir dan peluang pekerjaan di kawasan sekitar dengan bengkel besi yang menjalankan kerjasama dengan pihak Majlis.
3. Meningkatkan hasil pendapatan pemilik bengkel besi dengan pertambahan produk baru (FMC-*Grating*) berbanding hanya kerja kimpalan *grill* rumah.



### PROJEK 1

PERINGKAT	PENCAPAIAN
Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor 2021	<ul style="list-style-type: none"><li>• Johan Bagi Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan) Projek Inovasi Primer Terbaik</li><li>• Dokumentasi Terbaik</li></ul>
Pada: 16 Disember 2021	
Bertempat di SUK Selangor	

### PROJEK 2

PERINGKAT	PENCAPAIAN
<i>Public Service Innovation Awards (PSIA) 2022</i>	<ul style="list-style-type: none"><li>• <i>Gold Award Winner</i></li><li>• <i>Special Award Winner (Toronto International Society Of Innovation &amp; Advanced Skills)</i></li></ul>
Pada: 21-25 Mac 2022	
Anjuran : <i>Professional Trade Exhibitions &amp; Meeting Planners (PROTEMP)</i>	

### PROJEK 3

PERINGKAT	PENCAPAIAN
<i>International Convention On Quality Control Circles (ICQCC) China 2023</i>	<i>Gold Award Winner</i>
Pada: 30 Oktober - 2 November 2023 Beijing, China	
Anjuran : <i>China Association For Quality</i>	

# 04 THEMATIC INCLUSIVE CITY

01

## PROJEK BANDAR BEBAS HALANGAN

### Menaik Taraf 23 Pusat Bandar Dengan Ciri Reka Bentuk Sejagat

MBPJ mensasarkan untuk menjadikan 23 pusat bandar utama di Petaling Jaya sebagai 'Accessible Town Centre' menjelang tahun 2030. Sehingga tahun 2023, lapan (8) pusat bandar telah selesai dinaik taraf iaitu Pusat Bandar Seksyen 52, SS 2, Kelana Jaya, Taman Megah & Taman Sea, Taman Mayang, PJ Old Town dan Sg. Way.

Majlis telah mendapat maklum balas positif daripada golongan sasaran bagi pelaksanaan projek ini melalui Kajian Maklum Balas 'End User' yang telah dilaksanakan bagi pusat-pusat bandar yang telah dinaik taraf. Ianya telah memberikan aksesibiliti kepada pelbagai golongan termasuklah Orang Kurang Upaya, warga emas, wanita hamil dan kanak-kanak untuk mendapatkan perkhidmatan dan menjalankan aktiviti komersil di pusat bandar seperti klinik, bank, kedai dan lain-lain.


NO.	PUSAT BANDAR	TAHUN SASARAN								
		2022	2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
1	Pusat Bandar Seksyen 52	Selesai								
2	Pusat Bandar SS 2	Selesai								
3	Pusat Bandar Kelana Jaya	●								
4	Pusat Bandar Taman Mayang, SS 26	●								
5	Pusat Bandar Taman Megah (SS 24) dan Taman Sea (SS 23)	●								
6	Pusat Bandar PJ (PJ Old Town)		●							
7	Pusat Bandar Sg. Way, SS 9A		●							
8	Pusat Bandar Kota Damansara, PJU 5			●						
9	Pusat Bandar Mentari Business Centre, PJS 8				●					
10	Pusat Bandar Damansara Jaya					●				
11	Pusat Bandar Seksyen 14 dan Seksyen 8						●			

NO.	PUSAT BANDAR	TAHUN SASARAN								
		2022	2023	2024	2025	2026	2027	2028	2029	2030
12	Pusat Bandar Damansara Damai, PJU 10				●					
13	Pusat Bandar Petaling Utama				●	●				
14	Pusat Bandar Taman Dato' Harun				●	●				
15	Pusat Bandar, Bandar Sri Damansara, PJU 9					●	●			
16	Pusat Bandar Damansara Perdana, PJU 8					●	●			
17	Pusat Bandar Seksyen 16					●	●			
18	Pusat Bandar Mutiara Damansara						●	●		
19	Pusat Bandar Damansara Utama						●	●		
20	Pusat Bandar Bandar Utama							●	●	
21	Pusat Bandar Sea Park, Seksyen 21							●	●	
22	Pusat Bandar Ara Damansara							●	●	
23	Pusat Bandar Seksyen 17								●	●




### Menjahit Beg Karung Kitar

Program di bawah Teras 2 : Peningkatan Kesejahteraan dan Keterangkuman Sosial merangkumi bidang Penjanaaan Pendapatan dan Kebajikan Sosial. Program ini merupakan inisiatif MBPJ bagi membantu golongan ibu tunggal/wanita daripada golongan B40 untuk meningkatkan pendapatan serta menyokong Kempen Bebas Plastik dengan alternatif membawa Beg Kitar Semula.



Malaysia dijangka akan mencapai status negara tua atau *aged nation* pada tahun 2030 apabila 15% daripada jumlah penduduknya merupakan warga emas. Majlis telah menggariskan sasaran dan strategi pemerkasaan warga emas di Petaling Jaya meliputi penjagaan kesihatan, jaminan pendapatan, *accessibility, transportation and mobility*, perumahan dan kehidupan sosial, digitalisasi/komunikasi melalui 'multi generational planning' untuk memastikan warga emas kekal aktif dan keterlibatan untuk kehidupan yang lebih bermakna.

Bengkel Pelan Tindakan Warga Emas Petaling Jaya 2030 pada 25 Julai 2023 dan pelan tindakan ini telah dihasilkan dengan 5 fokus utama iaitu **Kesihatan, Ekonomi, Sosial & Keselamatan, Pendidikan dan Persekitaran**.





# 05 THEMATIC CHILD FRIENDLY CITY

01

## AHLI MAJLIS KANAK-KANAK PETALING JAYA (PJCC)

Pelantikan Ahli Majlis Kanak-kanak Petaling Jaya dilaksanakan setiap 2 tahun sekali. Ahli Majlis Kanak-kanak Petaling Jaya yang dianggotai oleh kanak-kanak berumur 18 tahun dan ke bawah akan berbincang, mengenal pasti dan merumuskan pandangan dan cadangan mereka ke atas pelaksanaan inisiatif dan tindakan bandar raya mesra kanak-kanak Petaling Jaya. Pemilihan Ahli Majlis Kanak-kanak Petaling Jaya terdiri daripada setiap kumpulan komuniti: Melayu, Cina, India, Orang Asli, OKU dan lain-lain.



## 02

## DASAR PENYERTAAN DAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK (DPKK)

Dasar ini merupakan komitmen MBPJ untuk memastikan peluang penyertaan semua kanak-kanak di Petaling Jaya dan bertujuan untuk mendidik dan membolehkan kakitangan MBPJ termasuk Ahli Majlis, kakitangan pengurusan, pelatih, serta semua pemegang taruh mengetahui dan mengamalkan penyertaan kanak-kanak. Keselamatan dan perlindungan mereka adalah amat penting dalam apa jua perkara yang melibatkan kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak 1989.



## 03

## SESI LIBAT URUS PJCC BAGI FGD PENYEDIAAN RKK SEKSYEN 19, 51 DAN 51A

Sesi Libat Urus Bersama Ahli Majlis Kanak-kanak Petaling Jaya - *Focus Group Discussion* Bagi Penyediaan Rancangan Kawasan Khas Seksyen 19, 51 dan 51A telah dilaksanakan pada 30 Januari 2023 bagi memberi idea, cadangan dan input daripada perspektif kanak-kanak berkenaan penyediaan Rancangan Kawasan Khas.



Pelaksanaan program *Friendship City* oleh MBPJ telah dimulakan pada penghujung tahun 2012. Antara bidang kerjasama yang telah dipersetujui termasuklah dalam bidang pendidikan iaitu Program Kepimpinan (Leadership). Penganjuran program ini mengetengahkan aspek yang melibatkan pertukaran budaya, motivasi bagi kecemerlangan diri, kecintaan terhadap alam sekitar, penjagaan kesihatan diri dan khidmat kemasyarakatan.



# 06 THEMATIC LEARNING CITY

## 01 EKSPLO BUKU PETALING JAYA (PJBX)

Ekspo Buku Petaling Jaya (PJBX) ini merupakan salah satu 'signature event' *PJ Learning City* yang diadakan setiap tahun sejak 2019. PJBX telah mula diadakan pada 9 September sehingga 17 September 2023 dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada penduduk Petaling Jaya.



## 02 PROGRAM SARINGAN PENENTUAN MURID BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (MBPK)

Program Saringan Penentuan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) merupakan satu program yang dilaksanakan bagi mengenal pasti murid-murid yang masih tidak menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) dan memiliki ciri-ciri keperluan khas.



## 03

PROGRAM *LIFELONG LEARNING IT* (LIT)

Program *Lifelong Learning IT* (LIT) merupakan program untuk memperkasakan pelajar orang asli dan golongan B40 dengan kemahiran pembelajaran perisian Microsoft Office manakala Program *Soft Skills* (LITs) memperkenalkan kepada pelajar-pelajar mengenai permasalahan komputer dan juga kemahiran pemasangan komponen CPU.



## 04

## BENGKEL PELAKSANAAN AKTIVITI KEUSAHAWANAN DIGITAL

Bengkel pelaksanaan aktiviti keusahawanan digital diadakan untuk memperkenalkan usahawan PJ dengan perisian pemasaran digital serta mempraktikkan ilmu untuk menjadi *trainer*. Seramai 4 orang usahawan telah dikenal pasti mempunyai kemampuan untuk menjadi *trainer* Usahawan Digital.



## 05

PENYERTAAN PERSIDANGAN ANTARABANGSA *INCLUSIVE LIFELONG LEARNING CONFERENCE - ILLC*

MBPJ telah menyertai satu persidangan antarabangsa *Inclusive Lifelong Learning Conference - ILLC* (3-6 Julai 2023) di Bali, Indonesia. Majlis turut menjadi *speaker* jemputan untuk membentangkan pengalaman PJ dalam melaksanakan projek-projek PJLC. Agenda persidangan tersebut adalah untuk mempromosikan hak pendidikan sepanjang hayat secara inklusif dan membincangkan strategi dan tindakan yang perlu diambil.



MBPJ hadir sebagai pembentang kertas makluman berkaitan inisiatif, pembangunan dan pemeraksanaan pembelajaran sepanjang hayat (PSH) pembentangan oleh TPr. Zain Azly bin Abdul Rahman, Pengarah Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MBPJ yang dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Seri Abd Razak bin Jaafar, Ketua Setiausaha KPT, Putrajaya.



Ts. Samsul Bahari bin Nonchi, Pengarah Teknologi Maklumat merangkap Ketua Program *PJ Learning City* telah hadir sebagai pembentang kertas makluman PJLC yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi.



Pada 15 Julai 2023, PJLC dengan kerjasama Puan Rahibah binti Che Omar, Ahli Majlis Zon 22, MBPJ telah menganjurkan Program Komuniti Bijak Berilmu Semasa di Pusat Komuniti The Spine@ PJKITA untuk memberikan pendedahan kepada penduduk Petaling Jaya agar sentiasa berhati-hati dan peka dengan penggunaan teknologi digital.



08

## PETALING UTAMA INNOVATIVE CONFERENCE ON EDUCATION (PUICE) 2023

Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama (PPDPU) dengan kerjasama *Petaling Jaya Learning City* telah mengambil inisiatif menganjurkan *Petaling Utama Innovative Conference On Education (PUICE) 2023*. Seramai 430 orang murid sekolah rendah dan menengah telah menyertai program ini termasuk 86 orang guru besar dan pengetua sekolah di bawah PPD Petaling Utama. Sekolah menengah dan rendah masing-masing telah menghasilkan pelbagai inovasi yang kreatif bagi melonjakkan kecemerlangan pendidikan bukan sahaja di sekolah, malah di seluruh bandar Petaling Jaya khususnya daerah Petaling Utama.



09

## MITRANS INTERNATIONAL LOGISTICS AND TRANSPORT CONFERENCE (MILTC 2023)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama MITRANS, UiTM telah menganjurkan *MITRANS International Logistics And Transport Conference (MILTC 2023)*. Ia merupakan inisiatif MITRANS untuk memupuk perkongsian hasil penyelidikan melalui pembentangan lisan dan penerbitan dalam kalangan peserta khususnya dalam bidang pengangkutan, logistik dan rantai bekalan halal. Seramai 50 orang peserta dari pelbagai universiti awam dan swasta di Malaysia dan juga negara jiran Indonesia yang telah hadir secara fizikal dan secara dalam-talian.



# 07 THEMATIC ECONOMICALLY VIBRANT CITY

01

## PJ CITY FOOD VALLEY

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor, Kementerian Ekonomi Malaysia dan pemimpin serta komuniti setempat telah merintis PROGRAM IPR-INTAN @ PJ CITY FOOD VALLEY iaitu pelaksanaan projek agro bandar berimpak tinggi di tanah-tanah rizab kerajaan bagi tujuan meningkatkan kualiti visual persekitaran, menyediakan peluang pekerjaan dan tambahan pendapatan kepada komuniti setempat khususnya kepada golongan miskin bandar dan B40.

Terdapat 4 lokasi tapak cadangan dengan keluasan 82 ekar (32.8 hektar) telah dikenal pasti dan berpotensi untuk dibangunkan sebagai projek agro bandar. Tapak-tapak ini merupakan rintisan elektrik yang berada dalam keadaan terbiar, semak-samun, tidak diselenggara dengan baik, berada bersebelahan dengan skim perumahan kos rendah, tahap pencerobohan yang rendah dan mudah untuk diakses.







Sebelum



Selepas





## VISI & OBJEKTIF

01

Menjalankan projek perniagaan berasaskan pertanian moden dan berteknologi tinggi.

02

Menyediakan peluang pekerjaan, latihan dan tambahan pendapatan kepada isi rumah miskin bandar.

03

Mengoptimumkan penggunaan tanah rizab kerajaan daripada terbiar dan diceroboh.

04


Menyediakan jaminan bekalan makanan semasa krisis/bencana melalui platform "PJ Food Bank".

05

Menambah baik program kebun komuniti pada konsep dan skala yang lebih besar serta berimpak tinggi.

06

Menjadikan projek *PJ City Food Valley* sebagai *learning centre*, *research and development (R&D)* dan *tourist attraction*.



Pelaksanaan Pelan Strategik Pembangunan Usahawan Petaling Jaya 2021-2030 mengambil kira 4 fokus utama iaitu menambah baik infrastruktur gerai dan penempatan usahawan mikro, membangunkan modal insan usahawan, memperkukuh ekonomi usahawan dan memantapkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
مجلس بندياري قتاليف جاييا

## PELAN STRATEGIK PEMBANGUNAN USAHAWAN PETALING JAYA 2030

1  
INFRASTRUKTUR  
& PENEMPATAN  
USAHAWAN



2  
MODAL INSAN



3  
SISTEM  
PENYAMPAIAN



4  
EKONOMI

"PETALING JAYA KE ARAH BANDAR RAYA PINTAR, MAMPAN, BERDAYA TAHAN DAN DINAMIK MENJELANG 2025"

08

# THEMATIC SOCIETY 5.0 CITY

01

## THE SPINE @PJKITA COMMUNITY CENTRE

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membangunkan Pusat Komuniti *The Spine @ PJKita* yang berfungsi sebagai sebuah pusat bagi menjalankan aktiviti bersama komuniti yang menyokong wawasan dan matlamat *PJ Smart, Sustainable and Resilient 2030* melalui pelaksanaan inisiatif, program dan inovasi berkaitan *10 Thematic PJ SSR 2030*. *The Spine @ PJKita* juga berfungsi sebagai pusat bagi perkongsian pengetahuan, pengalaman dan amalan-amalan baik dalam kalangan komuniti Petaling Jaya berkaitan pembangunan mampan dan menjadi hab bagi setiap peringkat masyarakat termasuk kanak-kanak, belia, warga emas dan OKU.



Program usahawan atau program komuniti yang di ajurkan oleh komuniti menggunakan kemudahan ruang di The Spine @ PJKita.



Kegunaan *multipurpose room* boleh di tempah dan digunakan oleh komuniti dan pihak luar sama ada untuk mengadakan mesyuarat.



Workshop yang dianjurkan Persatuan Penduduk Bayu Damansara mencanting batik menarik minat pelancong dan kanak-kanak untuk menyertai workshop ini



Pihak Majlis menyediakan pejabat Ahli Majlis Kanak-kanak untuk Ahli Majlis Kanak-kanak bertemu, bermesyuarat dan berunding mengenai aktiviti yang melibatkan kanak-kanak.



Pusat kitar semula pertama di Petaling Jaya yang berkonsepkan pandu lalu atau *drive thru* yang membolehkan penduduk meletakkan barangan kitar semula dengan lebih mudah.



## 02

### TEACH IN PJSSR 2030 COMMUNITY DATABASE KEPADA PERSATUAN PENDUDUK PJ

Program *Teach In PJSSR 2030 Community Database* telah dilaksanakan secara berkala pada September - Oktober 2023 setiap Sabtu dan Ahad bertujuan untuk membantu komuniti Petaling Jaya mengemas kini *PJSSR 2030 Community Database* untuk rekod Majlis. Majlis telah berjaya mengumpulkan data daripada 80 persatuan penduduk sehingga tahun 2023.

Dalam masa yang sama, komuniti Petaling Jaya juga telah diberikan taklimat berkaitan *PJSSR 2030* dan kepentingan dan peranan komuniti dalam menjayakan agenda *Pembangunan Mampan Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient 2030*.




# 09 THEMATIC SMART CITY


01

## MINI SMART CENTRE

*Mini Smart Centre* (MSC) berfungsi bagi mengumpul, menyimpan, menganalisis dan mengemas kini data-data jabatan dalaman Majlis secara *realtime*/Sekunder untuk dihantar ke *PJ Smart Centre*. Pembinaan MSC melibatkan ruang bekerja untuk 2 hingga 4 orang (*workstation*) dan ruang pembentangan (*Briefing Room*). Sebanyak 19 *Mini Smart Centre* akan dibangunkan menjelang tahun 2024.



Pembangunan *Dashboard* merupakan satu sistem penyampaian maklumat secara digital dan pengurusan data secara sistematik. Pembangunan *dashboard* ini adalah satu penyelesaian bersepadu “Intergrated Solution” menggunakan landasan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Sebanyak 44 *dashboard* dibangunkan mengambil kira 5 perkhidmatan utama Majlis meliputi “City Town Services”, “City Planning And Development”, “City Community Development”, “City Bussiness”, dan “City Management And Enforcement”.



5 SEKTOR UTAMA

Membangun aplikasi dan sistem-sistem ke arah digitalisasi dan penggunaan 'Internet of Things' (IOT) bagi tujuan cerapan data, analisis dan pengurusan bandar.





# 10 THEMATIC E-GOVERNANCE CITY

01

## KIOS BAYARAN

Majlis telah menyediakan kaedah pembayaran secara dalam talian melalui ePay@MBPJ, Maybank2u, Ambank click & pay dan beberapa bank yang lain bermula pada 1 April 2010. Seterusnya, Majlis telah menyediakan kaunter bergerak yang dikenali sebagai EZPay pada 1 Julai 2012 bagi memudahkan warga emas Petaling Jaya yang sukar hadir ke ibu pejabat Majlis membuat bayaran.



Bayar & Cetak Lesen MBPJ



Pelancaran cetak lesen di kiosk diadakan pada 26 Oktober 2023. Liputan Media, TV Selangor dan TV3.

Majlis telah mengorak langkah sekali lagi dengan menambah inisiatif baru iaitu kemudahan mencetak lesen di kiosk-kiosk Majlis. Inisiatif ini memberi kemudahan kepada 21,370 pemegang lesen *trud* perniagaan dan perindustrian bagi kategori serta-merta, kritikal yang tidak melibatkan pembaharuan kebenaran.


Sistem ini merupakan satu pembaharuan dalam urusan pentadbiran penyampaian perkhidmatan kerana ianya merupakan sebuah sistem yang lebih efektif dan sistematik serta mudah untuk diuruskan. Segala maklumat yang diperolehi melalui portal itu juga dapat membantu dalam perancangan, penggubalan dan pelaksanaan dasar oleh KPKT, LPHS, dan MBPJ dalam agenda pembangunan dan transformasi kerajaan demi kesejahteraan penduduk strata di Petaling Jaya.



### Portal Permohonan Petak Bermusim dan Penjualan Pas Bulanan

Penambahan modul GIS Petak Letak Kereta pada sistem PJKITAPARK bagi meningkatkan kecekapan pengurusan petak letak kereta di kawasan Petaling Jaya. Modul GIS Petak Letak Kereta ini akan membolehkan jumlah petak letak kereta mengikut jalan/kawasan disimpan di bawah satu sumber rekod dan boleh dikemas kini secara dalam talian oleh Jabatan-jabatan berkaitan.

Modul GIS ini juga akan dapat meningkatkan kecekapan aktiviti penguatkuasaan dan kutipan hasil letak kereta Majlis. Maklumat jumlah petak letak kereta yang diperolehi akan dipadankan dengan data jumlah penguatkuasaan dan seterusnya secara tidak langsung data *Occupancy* pematuhan letak kereta akan diperolehi. Jabatan Penguatkuasaan akan dapat mengenal pasti dan melaksanakan operasi penguatkuasaan di kawasan petak letak kereta yang mempunyai pematuhan bayaran letak kereta yang rendah.




### ***PJ Friendship City Programme***

Latihan dan kursus jangka pendek kepada kumpulan pertama melibatkan 12 orang kakitangan ke Bandar Raya Asan City, Korea Selatan, Kota Bandung, Indonesia, Seongbuk-Gu, Korea Selatan dan Miyoshi, Jepun selama 1 bulan melalui program Bandaraya Persahabatan Petaling Jaya (PJ Friendship City).

Usaha untuk mempersiapkan kakitangan yang berkeelayakan, berkebolehan dan berkemampuan bagi mencapai hasil kerja yang berkualiti, bermutu tinggi dan profesional, seterusnya mewujudkan budaya kerja, nilai cipta (value-creation) dan nilai tambah (value added) di dalam sistem penyampaian (delivery system) perkhidmatan Majlis.



MBPJ adalah satu-satunya PBT di Negeri Selangor yang memperoleh sijil EKSA kategori CEMERLANG. Ini membuktikan usaha MBPJ di bawah PJSSR 2030 dengan menambah baik EKSA sedia ada dan memperkenalkan EKSA PJ PLUS.



# WAY FORWARD

## PETALING JAYA SMART, SUSTAINABLE & RESILIENT 2030

### BENGKEL MID TERM REVIEW PJSSR 2030

- 'Whats next' bagi *thematic* yang telah mencapai sasaran 100% (CFC, *Learning City*)
- Ketidakeragaman sasaran dan KPI
- Penyelarasan KPI berdasarkan perubagan dasar
- KPI dan indikator yang lebih jelas dan kuantitatif
- Sasaran KPI tahunan yang jelas



### PELAKSANAAN SISTEM PJSSR

- Memperkasa formula bagi kiraan pencapaian KPI PJSSR 2030
- Kemas kini secara berkala setiap bulan
- Pemantauan secara *online*
- Pencapaian PJSSR 2030 dapat dinilai pada bila-bila masa







13





# **PENYATA PRESTASI KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2023

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
**PENYATA PRESTASI KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023**

	ANGGARAN TERLARAS 2023	SEBENAR DISEMBER 2023 (TERMASUK TANGGUNGAN)	PERATUS	SEBENAR DISEMBER 2022	PERATUS	SEBENAR DISEMBER 2022	PERATUS
	RM	RM	%	RM	%	RM	%
<b>HASIL</b>							
<b>HASIL CUKAI</b>							
Cukai Taksiran	278,460,000	285,272,764	102.45%	282,184,703	101.47%	282,184,703	101.47%
Caruman Bantuan Kadar	3,282,560	3,420,328	104.20%	3,091,303	94.26%	3,091,303	94.26%
<b>JUMLAH HASIL CUKAI</b>	<b>281,742,560</b>	<b>288,693,092</b>	<b>102.47%</b>	<b>285,276,006</b>	<b>101.39%</b>	<b>285,276,006</b>	<b>101.39%</b>
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>							
Lesen, Bayaran Pendaftaran & Permit	28,698,020	32,894,749	114.62%	31,424,921	122.42%	31,424,921	122.42%
Perkhidmatan & Bayaran Perkhidmatan	31,943,690	32,072,529	100.40%	31,551,078	105.46%	31,551,078	105.46%
Perolehan & Jualan Barang-Barang	1,257,700	1,956,177	155.54%	1,472,931	128.76%	1,472,931	128.76%
Sewaan	17,927,130	19,159,614	106.87%	16,437,614	99.31%	16,437,614	99.31%
Faedah & Perolehan Dari Pelaburan	16,644,720	29,268,046	175.84%	17,352,728	147.41%	17,352,728	147.41%
Denda & Kompaun/ Hukuman	16,828,300	18,132,158	107.75%	17,248,532	119.43%	17,248,532	119.43%
Sumbangan & Bayaran Ganti Drpd Luar Negeri & Sumbangan Tempatan	-	397,526	0.00%	-	0.00%	-	0.00%
<b>JUMLAH HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>113,299,560</b>	<b>133,880,799</b>	<b>118.17%</b>	<b>115,487,804</b>	<b>116.07%</b>	<b>115,487,804</b>	<b>116.07%</b>
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>							
Pulangan Balik Perbelanjaan	4,784,140	5,071,679	106.01%	2,550,364	104.23%	2,550,364	104.23%
Geran Keseimbangan	5,000,000	5,000,000	100.00%	5,000,000	100.00%	5,000,000	100.00%
Terimaan Lucut Hak Cagaran	-	57,115	0.00%	22,238	0.00%	22,238	0.00%
<b>JUMLAH TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>9,784,140</b>	<b>10,128,794</b>	<b>103.52%</b>	<b>7,572,602</b>	<b>101.69%</b>	<b>7,572,602</b>	<b>101.69%</b>
<b>JUMLAH HASIL</b>	<b>404,826,260</b>	<b>432,702,685</b>	<b>106.89%</b>	<b>408,336,412</b>	<b>105.16%</b>	<b>408,336,412</b>	<b>105.16%</b>
<b>PERBELANJAAN MENGRUS</b>							
<b>EMOLUMEN</b>							
Gaji & Upahan	63,328,429	63,260,224	99.89%	60,284,178	94.82%	60,284,178	94.82%
Elaun Tetap	22,340,731	22,224,712	99.48%	22,292,772	89.32%	22,292,772	89.32%
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan/ Pekerja	11,672,510	11,601,050	99.39%	11,099,870	84.46%	11,099,870	84.46%
Elaun Lebihmasa	16,029,870	15,707,334	97.99%	12,215,853	91.85%	12,215,853	91.85%
Faedah-faedah Kewangan Yang Lain	8,353,440	8,153,328	97.60%	9,199,139	98.33%	9,199,139	98.33%
<b>JUMLAH EMOLUMEN</b>	<b>121,724,980</b>	<b>120,946,648</b>	<b>99.36%</b>	<b>115,091,812</b>	<b>92.56%</b>	<b>115,091,812</b>	<b>92.56%</b>

	ANGGARAN TERLARAS 2023	SEBENAR DISEMBER 2023 (TERMASUK TANGGUNGAN)	PERATUS	SEBENAR DISEMBER 2022	PERATUS	SEBENAR DISEMBER 2022	PERATUS
	RM	RM	%	RM	%	RM	%
<b>PERKHIDMATAN &amp; BEKALAN</b>							
Perbelanjaan Perjalanan & Sara Hidup	7,265,380	7,224,805	99.44%	4,319,735	95.67%	4,319,735	95.67%
Pengangkutan Barang-Barang	14,900	14,828	99.52%	11,836	39.19%	11,836	39.19%
Perhubungan & Utiliti	20,386,412	20,368,101	99.91%	15,645,669	99.10%	15,645,669	99.10%
Sewaan	8,405,030	8,345,104	99.29%	6,746,451	93.13%	6,746,451	93.13%
Bahan-Bahan Makanan & Minuman	113,000	111,938	99.06%	87,114	93.67%	87,114	93.67%
Bekalan Bahan Mentah & Bahan-Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan & Pembaikan	4,092,800	4,066,946	99.37%	4,209,480	91.77%	4,209,480	91.77%
Bekalan & Bahan-Bahan Lain	9,389,817	9,226,784	98.26%	9,216,485	88.45%	9,216,485	88.45%
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Dibeli	28,020,020	27,946,534	99.74%	27,060,245	94.42%	27,060,245	94.42%
Perkhidmatan Ikhtisas & Perkhidmatan Lain Yang Dibeli & Hospitaliti	126,548,661	126,217,190	99.74%	112,643,717	96.93%	112,643,717	96.93%
<b>JUMLAH PERKHIDMATAN &amp; BEKALAN</b>	<b>204,236,020</b>	<b>203,522,230</b>	<b>99.65%</b>	<b>179,940,732</b>	<b>95.94%</b>	<b>179,940,732</b>	<b>95.94%</b>
<b>ASET</b>							
Pembelian Aset	4,423,730	3,243,750	73.33%	1,754,415	85.92%	1,754,415	85.92%
<b>JUMLAH PEMBELIAN ASET</b>	<b>4,423,730</b>	<b>3,243,750</b>	<b>73.33%</b>	<b>1,754,415</b>	<b>85.92%</b>	<b>1,754,415</b>	<b>85.92%</b>
<b>PEMBERIAN &amp; KENAAN BAYARAN TETAP</b>							
Pemberian Dalam Negeri	404,670	396,082	97.88%	354,566	71.77%	354,566	71.77%
Tuntutan Insurans & Pampasan	310	300	96.77%	68,672	90.94%	68,672	90.94%
<b>JUMLAH PEMBERIAN &amp; KENAAN BAYARAN TETAP</b>	<b>404,980</b>	<b>396,382</b>	<b>97.88%</b>	<b>423,238</b>	<b>74.32%</b>	<b>423,238</b>	<b>74.32%</b>
<b>LAIN-LAIN PERBELANJAAN</b>							
Bayaran-Bayaran Lain	9,323,800	9,294,448	99.69%	5,082,062	82.77%	5,082,062	82.77%
<b>JUMLAH LAIN-LAIN PERBELANJAAN</b>	<b>9,323,800</b>	<b>9,294,448</b>	<b>99.69%</b>	<b>5,082,062</b>	<b>82.77%</b>	<b>5,082,062</b>	<b>82.77%</b>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS</b>	<b>340,113,510</b>	<b>337,403,458</b>	<b>99.20%</b>	<b>302,292,259</b>	<b>94.28%</b>	<b>302,292,259</b>	<b>94.28%</b>
<b>PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>							
Perkhidmatan dan Bekalan	70,901,110	64,947,041	91.60%	62,383,846	93.85%	62,383,846	93.85%
Pembelian Aset	15,008,540	14,828,862	98.80%	16,061,871	88.55%	16,061,871	88.55%
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	707,500	511,437	72.29%	500,022	87.03%	500,022	87.03%
<b>JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN</b>	<b>86,617,150</b>	<b>80,287,340</b>	<b>92.69%</b>	<b>78,945,739</b>	<b>92.68%</b>	<b>78,945,739</b>	<b>92.68%</b>
<b>JUMLAH PERBELANJAAN *</b>	<b>426,730,660</b>	<b>417,690,798</b>	<b>97.88%</b>	<b>381,237,998</b>	<b>93.94%</b>	<b>381,237,998</b>	<b>93.94%</b>
<b>LEBIHAN / (KURANGAN)</b>	<b>(21,904,400)</b>	<b>15,011,887</b>		<b>27,098,414</b>		<b>27,098,414</b>	

\* Nota - Semua perbelanjaan sebenar dan komitmen adalah berdasarkan kepada crystal report bertarikh 20/06/2023  
- Angka sebenar tahun 2022 merujuk kepada Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2022  
- Anggaran 2023 selepas semakan peruntukan 2023 yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun pada 13 Februari 2024






IPS MARI CENTRE



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA  
مجلس بنداراي فتالينج جايا



 [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)  Majlis Bandaraya Petaling Jaya

 [pjcitycouncil](#)  [pjcitycouncil](#)  [pjcitycouncil](#)  [pjcitycouncil](#)